

Berjimat, nasihat Anwar pada MB baru
Malaysiakini.com
Mar 10, 2008

Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim menasihatkan menteri besar di lima negeri yang diperintah oleh pakatan DAP, PAS dan PKR, supaya berbelanja secara sederhana dan elakkan pembaziran.

Dalam pilihanraya umum Sabtu lalu, pakatan pembangkang itu berjaya merampas Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor serta mengekalkan Kelantan.

Anwar meminta menteri besar di negeri-negeri tersebut supaya berjimat cermat, termasuk menggunakan pejabat, peralatan dan kenderaan kerajaan negeri yang sedia ada.

"Kejayaan besar yang dimenangi oleh pakatan pembangkang sebelum ini membuktikan rakyat mahukan perubahan dan kita akan berusaha untuk menunaikan amanah yang diberikan itu," katanya kepada pemberita di kediamannya di Bukit Segambut semalam.

Menurut Bernama, dalam pilihanraya umum ke-12 ini juga, pembangkang berjaya menafikan Barisan Nasional (BN) kemenangan dua pertiga.

Di samping itu, BN juga mengekalkan kerusi-kerusi parlimen dan negeri dengan majoriti yang merosot.

Ketika mengulas pandangan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohammad agar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bertanggungjawab terhadap prestasi buruk BN, khusus Umno kali ini, Anwar berkata itu merupakan perkara dalaman BN dan Umno.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/79533>